

# MTA, USIM jalin kerjasama

**Persatuan** Takaful Malaysia (MTA) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) semalam menjalin kerjasama ke arah mencapai kecemerlangan dalam pendidikan.

Ia termasuk menggerakkan inisiatif untuk membangunkan bakat baru dalam bidang takaful.

Naib Pengerusi MTA, Wan Azman Wan Mamat, berkata kerjasama itu akan menyaksikan kedua-dua melaksanakan program bagi mempromosi dan memudahkan pendidikan dan pertukaran akademik antara ahli MTA

dan USIM, selain mewujudkan peluang kerjaya.

## **Sedia bantuan**

Beliau berkata, kerjasama itu juga menyediakan bantuan kepada mereka yang ingin mendapatkan maklumat berhubung takaful.

“Dalam mencari penyelesaian bagi menangani cabaran jangka panjang, MTA sudah mewujudkan pelan tindakan, yang menggariskan komitmen MTA untuk mewujudkan, mempromosi dan membangunkan, pada asas kerjasama langsung dengan institusi pengajian tinggi (IPT) da-

lam bidang penyelidikan, pendidikan dan program latihan.

## **Peristiwa penting**

“Kerjasama terbaru ini adalah peristiwa penting dalam industri takaful negara dan berharap lebih banyak kerjasama antara MTA dan IPT diwujudkan dalam masa terdekat,” katanya pada majlis peme- teraian Memorandum Persefahaman (MoU) antara MTA dan USIM di acara berasingan pada Forum Kewangan Islam Global 2012 (GIFF 2012) di Kuala Lumpur, semalam.